

12 NOV 1996

Najib-Strategi

STRATEGI BARU UNTUK PENDIDIKAN SAINS DAN TEKNIKAL

JOHOR BAHRU, 12 Nov (Bernama) -- Kementerian Pendidikan sedang menyediakan pakej strategi baru untuk meningkatkan jumlah pelajar dalam bidang sains dan teknikal di peringkat sekolah menengah.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pakej itu juga membabitkan kajian semula terhadap kurikulum, masa bagi pendidikan sains, kemudahan makmal, cara pengajaran serta prospek dalam bidang itu.

Kertas kerja mengenai pakej itu apabila siap akan dikemukakan kepada Kabinet untuk kelulusan, katanya kepada pemberita selepas melancarkan siri buku pendidikan kerjaya sekolah menengah dan rendah di sini, hari ini.

Najib berkata pada masa ini pelajar yang mengambil jurusan sains seolah-olah menggambarkan mereka satu kumpulan pelajar yang elit sedangkan Kementerian mahu pelajar yang sederhana dalam pelajaran juga terdorong untuk mengambil jurusan sains tulen dan matematik tambahan.

"Kita mahu mengubah trend yang negatif ini. Pada tahun-tahun 70-an dulu, trendnya ialah terhadap jurusan sains dan pada tahun 80-an kepada jurusan sastera dan kemanusiaan. Jadi, kita ingin mengalih semula trend itu kepada sains," katanya.

Menurut Najib, pada masa ini terlalu ramai pelajar yang menceburi bidang sastera. Pada tahun lepas, cuma 21 peratus daripada jumlah pelajar di sekolah menengah mengambil jurusan sains tulen.

"Pada masa ini, cuma pelajar yang benar-benar pintar saja yang mengambil jurusan sains. Kita mahu majoriti pelajar berasa selesa mengambil matapelajaran sains," katanya.

Najib berkata kertas komprehensif mengenai strategi itu hampir siap dengan sasarannya ialah sekurang-kurangnya 60 peratus pelajar memilih jurusan sains dan teknikal.

Perubahan itu ialah ekor dari perubahan zaman dan mengikut hasrat falsafah pendidikan negara serta Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya.

Tahun lepas, Kementerian itu telah melaksanakan pelan tindakan teknikal bagi mengubah status sekolah vokasional kepada sekolah teknikal.

Ketika ditanya rungutan ibu bapa berhubung langkah menawarkan murid tahun tiga di sekolah rendah melangkaui kelas tahun lima mulai tahun depan di bawah peperiksaan Penilaian Tahap Satu (PTS), Najib berkata beliau akan membuat pengumuman mengenai perkara itu selepas Jumaat ini.

"Kita hanya menganggap banyak ibu bapa yang membantah tetapi kita tidak tahu jumlah sebenarnya. Ini bukan kelas ekspres tetapi kelas lompat berdasarkan kepada kebolehan individu," katanya.

Beliau juga berkata jumlah guru yang terbabit dalam kes menghukum murid secara keterlaluan seperti yang digembar-gemburkan oleh akhbar adalah terlalu kecil dan tidak membimbangkan.

Secara keseluruhannya, sebanyak 270,000 guru di seluruh negara adalah golongan yang dedikasi dalam profesion mereka, kata beliau.

-- BERNAMA

MKO PR